



SIARAN MEDIA

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK

MAJLIS PENGANUGERAHAN SEKOLAH LESTARI-ANUGERAH ALAM SEKITAR (SLAAS) SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA TAHUN 2022 PERINGKAT NEGERI SARAWAK

29 OKTOBER 2022 (SABTU)

29 Oktober 2022, Kuching: Majlis Penganugerahan Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Tahun 2022 Peringkat Negeri Sarawak anjuran Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak dan Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. dengan kerjasama SMK Pending dan pelbagai agensi/jabatan kerajaan telah disempurnakan oleh YB Dr. Hj. Hazland Bin Abang Hipni, Timbalan Menteri Tenaga Dan Kelestarian Alam Sekitar Sarawak di Dewan SMK Pending, Kuching. Majlis ini turut dihadiri ketua jabatan/wakil dari jabatan/agensi/kerajaan persekutuan dan negeri, warga pendidik serta para pelajar sekolah.

Buat julung kalinya Penganugerahan Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Peringkat Negeri diadakan sebagai menyuntik semangat guru-guru pembimbing SLAAS bagi meningkatkan penyertaan pelajar sekolah di dalam program SLAAS khasnya daripada setiap sekolah di negeri Sarawak pada tahun-tahun mendatang. Program SLAAS bertujuan membentuk persekitaran sekolah yang menitikberatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dalam aspek pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan.

Penganugerahan Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Tahun 2022 Peringkat Negeri Sarawak menyaksikan pemenang kategori Sekolah Menengah jatuh kepada SMK Pending diikuti SMK Tun Abang Haji Openg, Kuching, bagi kategori sekolah rendah, penganugerahan jatuh kepada SJKC Tung Hua, Sibu, diikuti SJKC Chung Hua Miri, SJKC Min Daik, Meradong, SJKC Chung Hua Pangkalan Baru, Kuching, SJKC Chung Hien, Sarikei, SJKC Bako, Samarahan dan SK Bakong, Sri Aman.

Kriteria-kriteria pemilihan pemenang SLAAS adalah berdasarkan kepada kriteria yang ditetapkan iaitu:

- i. Kriteria Pengurusan
- ii. Kriteria Kurikulum
- iii. Kriteria Kokurikulum
- iv. Kriteria Penghijauan
- v. Kriteria Elemen Khas

Majlis ini yang bersempena dengan sambutan Hari Alam Sekitar Negara pada hari ini turut diadakan pertandingan melukis alam sekitar, kempen pengumpulan buangan elektrik dan elektronik (BEE), KUDAH (kutip sampah sambal beriadah), kuiz alam sekitar, ceramah dan pameran berteraskan alam sekitar.

TAMAT